

04 NOV 2003

Nik Aziz-Mahathir

PAS TAK RASA BERSALAH KATA DR MAHATHIR 'BERSANDIWARA' MENJELANG PERSARAAN

KOTA BAHARU, 4 Nov (Bernama) -- PAS merasa tidak bersalah membuat kenyataan bahawa Tun Dr Mahathir Mohamad bersandiwara berhubung hasratnya melepaskan jawatan Perdana Menteri kerana itu adalah satu taktik memaksa beliau berhenti, kata Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Katanya tujuan PAS termasuk beliau sendiri bertegas mengatakan Dr Mahathir hanya bersandiwara adalah bagi memastikan bekas Perdana Menteri itu betul-betul mengotakan janji dan melepaskan semua jawatannya.

"Segala kenyataan PAS sebelum ini bahawa Tun (Dr Mahathir) hendak berhenti adalah sandiwara adalah satu taktik bagi memaksa orang itu berhenti sungguh.

"Kami gempur dia atas dasar kalau tak jadi berhenti, dia akan tanggung malu, akan rasa tebal muka dan macam-macam," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini.

Nik Aziz mendakwa Dr Mahathir "sering berubah keputusan dalam banyak perkara", dan jika PAS tidak membesarkan isu itu, beliau sekali lagi akan mengubah keputusannya untuk tidak bersara.

"Oleh demikian, kami buat kenyataan bahawa dia sandiwara. Mudah-mudahan dia tak lagi berubah fikiran dia. Kalau dia ubah fikiran dia juga, ertinya dia sandiwara sungguh.

"Mahu tak mahu, dia mesti berhenti sungguh supaya dia tak terperangkap dengan kenyataan kita...Kita berasa lega apabila beliau akhirnya berhenti," katanya.

Dr Mahathir mengumumkan hasratnya untuk melepaskan semua jawatan dalam kerajaan dan parti semasa Perhimpunan Agung Umno tahun lepas tetapi dihalang oleh anggota-anggota Umno. Beliau bersara Jumaat lepas dan digantikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ditanya sama ada kerajaan Kelantan akan membuat jemputan rasmi kepada Abdullah untuk melawat Kelantan, Nik Aziz berkata beliau berharap untuk berbuat demikian.

-- BERNAMA

RAR MAI